

SULIT

SEJARAH

1249/1

Kertas 1

Ogos - September

Satu jam



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
NEGERI SEMBILAN

PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK TINGKATAN 5
SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH NEGERI SEMBILAN 2025

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 15 halaman bercetak.


[Lihat halaman sebelah

- 1 Wilayah naungan ialah wilayah yang menerima ketuanan Kesultanan Melayu Melaka.

Bagaimanakah wilayah tersebut diperoleh?

- A Perjanjian
- B Perkahwinan
- C Perdagangan
- D Peperangan

- 2 Rajah berikut menunjukkan sistem pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka.



Apakah peranan X?

- A Mengutip cukai
- B Menasihati sultan
- C Menjaga keselamatan kota
- D Menguruskan perbendaharaan

- 3 Maklumat berikut berkaitan prinsip yang dijadikan asas membina semangat nasionalisme di Asia.

- Sanggup menanggung risiko
- Bersungguh-sungguh mencapai cita-cita
- Sedia berkorban demi negara

Apakah prinsip tersebut?

- A Bushido
- B Demokrasi
- C Sosialisme
- D Satyagraha

- 4 Tokoh-tokoh berikut menunjukkan kesungguhan dalam menentang penjajah pada penghujung abad ke-19 dan awal abad ke-20.

- Dato' Maharaja Lela
- Dato' Bahaman
- Tok Janggut

Apakah persamaan perjuangan mereka?

- A Bersifat setempat
- B Menjaga adat resam
- C Menuntut kemerdekaan
- D Bekerjasama dengan British
- 5 Maklumat berikut merupakan ideologi yang muncul di Eropah semasa Perang Dunia Kedua.

Fasisme

Apakah fahaman ideologi tersebut?

- A Mewujudkan idea komunisme
- B Mengagungkan bangsa sendiri
- C Mengutamakan kepentingan negara
- D Memulihkan semangat nasionalisme
- 6 Jadual berikut berkaitan peluasan kuasa Jepun sehingga Perang Dunia Kedua.

Tahun	Peristiwa
1932	Menduduki Manchuria
1937	Menduduki China
1941	Menduduki Indochina

Apakah tindak balas pihak Bersekutu bagi menghalang peluasan kuasa tersebut?

- A Memperkenalkan orde baharu
- B Mengenakan sekatan ekonomi
- C Melaksanakan pelucutan senjata
- D Memusnahkan pangkalan tentera

[Lihat halaman sebelah

- 7 Antara berikut yang manakah tindakan rakyat bagi menentang Malayan Union?
- I Mengadakan rapat umum
 - II Menghantar surat bantahan
 - III Menyokong Kongres Melayu
 - IV Menggunakan akhbar tempatan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 8 Maklumat berikut berkaitan pertubuhan yang membangkitkan kesedaran politik di Sabah.

Parti Kebangsaan Melayu Labuan (PKML)

Apakah tindakan British bagi menindas pertubuhan tersebut?

- A Menutup pejabat pentadbiran
 - B Mengehendkan tempoh jawatan
 - C Mengurangkan bantuan kewangan
 - D Memindahkan pemimpin berkebolehan
- 9 Maklumat berikut berkaitan jawatankuasa yang ditubuhkan di Tanah Melayu.

Tarikh	Perkara
25 Julai 1946	Jawatankuasa Kerja

Apakah peranan jawatankuasa tersebut?


- A Membentuk kerjasama politik
- B Merangka perjanjian Persekutuan
- C Mengembalikan keamanan negara
- D Mengumpul pandangan rakyat



- 10 Mengapakah British menubuhkan majlis berikut dalam Persekutuan Tanah Melayu 1948?

- Majlis Mesyuarat Persekutuan
- Majlis Perundangan Persekutuan

- A Mengukuhkan kuasa Raja-raja Melayu
B Membantu Pesuruhjaya Tinggi British
C Mengembalikan kuasa pembesar tempatan
D Mengasaskan sistem pemerintahan demokrasi
- 11 Gambar berikut merupakan kad pengenalan yang diperkenalkan semasa darurat di Persekutuan Tanah Melayu.



- Mengapakah British bertindak sedemikian?
- A Mengawal pergerakan rakyat
B Mengiktiraf kerakyatan imigran
C Mengimbangi komposisi penduduk
D Meningkatkan jumlah warganegara
- 12 Antara berikut yang manakah merupakan kesan zaman darurat terhadap negara kita?
- I Merapatkan hubungan antara kaum
II Mengadakan catuan bekalan makanan
III Meningkatkan kos perbelanjaan kerajaan
IV Mengetatkan syarat kewarganegaraan
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

[Lihat halaman sebelah

- 13 Mengapakah Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC) menyokong syarat kewarganegaraan dilonggarkan kepada kaum bukan Melayu?
- A Menjamin hak sama rata
 - B Melahirkan semangat patriotik
 - C Mengekalkan kedaulatan negara
 - D Mengawal keseimbangan penduduk

- 14 Maklumat berikut berkaitan usaha ke arah pembentukan sistem pendidikan kebangsaan.

- Memperkasakan pendidikan peringkat rendah dan menengah
- Mewujudkan sistem pembiayaan pendidikan yang teratur

Apakah sistem pendidikan tersebut?

- A Laporan Barnes 1951
 - B Ordinan Pelajaran 1952
 - C Laporan Woodhead 1955
 - D Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956
- 15 Maklumat berikut berkaitan pilihan raya peringkat negeri pada tahun 1954.

Parti Perikatan UMNO-MCA telah memenangi 226 kerusi daripada 268 kerusi yang dipertandingkan.

Apakah rumusan anda daripada kemenangan tersebut?

- A Pembentukan kabinet pertama
- B Kedudukan parti politik terjamin
- C Pelaksanaan pilihan raya yang adil
- D Kerjasama kaum diterima oleh rakyat

- 16 Majlis Perundangan Persekutuan (MPP) ditubuhkan selepas Pilihan Raya 1955. Apakah peranan majlis tersebut?
- A Menggubal undang-undang
 - B Melantik pegawai tempatan
 - C Mengetuai pentadbiran negeri
 - D Mengambil alih pemerintahan negara

- 17 Maklumat berikut berkaitan misi rundingan di London pada tahun 1956.

- Empat orang wakil Raja-raja Melayu
- Empat orang wakil Parti Perikatan

Apakah tujuan rundingan tersebut?

- A Melantik ahli kabinet baru
 - B Mengurus hal berkaitan pilihan raya
 - C Menggubal perlembagaan Tanah Melayu
 - D Membincangkan kemerdekaan Tanah Melayu
- 18 Antara berikut yang manakah berkaitan dengan isi Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957?
- I Agama Islam sebagai agama Persekutuan
 - II Kedudukan istimewa orang Melayu dikekalkan
 - III Pegawai British menasihati raja dalam pentadbiran
 - IV Sultan menjadi ahli Majlis Perundangan Persekutuan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

[Lihat halaman sebelah

- 19 Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu menghadapi cabaran untuk mengurus bidang berikut di peringkat awal kemerdekaan.

- Pertahanan
- Pendidikan tinggi
- Bidang profesional

Bagaimanakah kerajaan menghadapi cabaran tersebut?

- A Menggaji pegawai Barat
B Melantik rakyat tempatan
C Menubuhkan Jabatan Tentera
D Menubuhkan banyak universiti
- 20 Senarai berikut berkaitan prinsip kedaulatan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka.

- Kerajaan
- Lambang kebangsaan
- X

Apakah X?

- A Parlimen
B Pilihan raya
C Sistem demokrasi
D Wilayah pengaruh
- 21 Antara berikut yang manakah merupakan jenis kedaulatan?
- I Kedaulatan Sempadan
II Kedaulatan Demokrasi
III Kedaulatan Tradisional
IV Kedaulatan Antarabangsa
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

22 Bagaimanakah pemimpin boleh memainkan peranan dalam mempertahankan kedaulatan negara?

- I Memodenkan aset ketenteraan
- II Mengadakan perjanjian pertahanan
- III Mengelakkan kolaborasi dengan pihak luar
- IV Memberikan maklumat tentang pencerobohan
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

23 Maklumat berikut berkaitan undang-undang di Negeri-negeri Selat (NNS).

Charter of Justice

Mengapakah undang-undang tersebut diperkenalkan?

- A Melindungi penduduk asal
- B Memberi kuasa mentadbir negeri
- C Menjadi panduan kepada pemerintah
- D Memudahkan menggubal undang-undang

24 Pilih pasangan yang tepat berkaitan pindaan perlembagaan di bawah.

	Pindaan Perlembagaan 1963	Pindaan Perlembagaan 1965
A	Memperkenalkan jawatan Yang di-Pertua Negeri	Membentuk Mahkamah Tinggi Borneo
B	Memansuhkan perkara berkaitan imigresen dan pertahanan	Mewujudkan Mahkamah Atasan
C	Mewujudkan Mahkamah Atasan	Memansuhkan perkara berkaitan imigresen dan pertahanan
D	Membentuk Mahkamah Tinggi Borneo	Memperkenalkan jawatan Yang di-Pertua Negeri

[Lihat halaman sebelah

- 25 Maklumat berikut berkaitan badan eksekutif di negara kita.

Jemaah Menteri terdiri daripada Perdana Menteri dan menteri-menteri yang memegang portfolio tertentu.

Apakah peranan badan tersebut?


- A Menjamin keadilan sosial
 - B Menggubal undang-undang
 - C Melaksanakan pembangunan
 - D Mengadili pertikaian pemimpin
- 26 Maklumat berikut berkaitan keunikan amalan Demokrasi Berparlimen di negara kita.

Mekanisme semak dan imbang

Apakah kepentingan amalan tersebut kepada pentadbiran negara?

- A Menjamin kedudukan raja
- B Memperkukuh sistem pertahanan
- C Meredakan pertikaian parti politik
- D Melaksanakan dasar pemerintahan

- 27 Maklumat berikut berkaitan pembahagian kuasa di negara kita.



Mengapakah peruntukan kuasa lebih besar diberikan pada peringkat Persekutuan?

- A Menjamin kestabilan negara
- B Mengimbangi amalan demokrasi
- C Mewujudkan kerjasama parti politik
- D Memperkukuh kedudukan pemimpin

- 28 Maklumat berikut berkaitan langkah bagi menjamin keselamatan dan kedaulatan negara.

Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri menubuhkan Eastern Sabah Security Command (ESSCOM) atau Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah pada tahun 2013.

Mengapakah tindakan tersebut diambil?

- A Membendung krisis politik
- B Mengelakkan rusuhan kaum
- C Menyekat ancaman komunis
- D Menghalang pencerobohan pengganas

- 29 Maklumat berikut berkaitan reaksi Brunei tentang pembentukan Malaysia.

Tokoh	Tindakan
A.M. Azahari	Menentang cadangan penggabungan Brunei dalam Persekutuan Malaysia.

Mengapakah tokoh tersebut bertindak sedemikian?

- I Mengekalkan identiti rakyat tempatan
 - II Berminat membentuk Kalimantan Utara
 - III Khuatir kehilangan kekayaan Brunei
 - IV Risau kedudukan sultan tergugat
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

[Lihat halaman sebelah

30 Maklumat berikut berkaitan tindakan ketenteraan Indonesia terhadap Malaysia.

- Pendaratan tentera dan separa tentera Indonesia di Tebedu, Sarawak
- Pendaratan seramai 30 orang gerila Indonesia di Labis, Johor

Apakah pendirian Malaysia terhadap tindakan tersebut?

- A Menubuhkan pasukan gerila
- B Menghantar tentera ke Indonesia
- C Memutuskan hubungan diplomatik
- D Membentang aduan di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu

31 Rusuhan kaum pada 21 Julai 1964 yang berlaku di Singapura telah menimbulkan ketegangan antara kaum.

Mengapakah rusuhan tersebut berlaku?

- A Tuntutan persamaan hak
- B Sosioekonomi tidak seimbang
- C Perebutan kuasa pemerintahan
- D Penyebaran pengaruh komunis

32 Maklumat berikut berkaitan langkah kerajaan bagi menangani isu pembangunan ekonomi selepas pembentukan Malaysia.

- Melancarkan program pembangunan
- Membuka kawasan baharu
- Mendapatkan bantuan Bank Dunia

Apakah isu tersebut?

- A Modal skala kecil
- B Perbezaan taraf hidup
- C Peluang pekerjaan terhad
- D Kekurangan sumber ekonomi

- 33 Apakah matlamat penubuhan Majlis Perundingan Negara?
- A Menyelesaikan isu tuntutan kaum
 - B Membincangkan dasar pembangunan negara
 - C Mewujudkan garis panduan integrasi nasional
 - D Memudahkan penggubalan undang-undang
- 34 Gambar berikut menunjukkan logo rasmi Sukan Malaysia (SUKMA) yang dianjurkan buat pertama kali di Kuala Lumpur pada tahun 1986.



- Mengapakah sukan tersebut diadakan?
- A Memajukan ekonomi negara
 - B Menaikkan industri pelancongan
 - C Mewujudkan integrasi antara negeri
 - D Memperkasakan kebudayaan nasional
- 35 Maklumat berikut berkaitan program pembangunan kerajaan di bawah pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB).

Rancangan Buku Hijau

Bagaimanakah kerajaan menggerakkan program tersebut?

- A Menyediakan pinjaman modal
- B Memperbanyak kilang industri
- C Memperkenalkan teknologi moden
- D Mengusahakan tanaman jangka pendek

[Lihat halaman sebelah

- 36 Senarai berikut berkaitan industri pembuatan kereta dan motosikal di negara kita.

- Perusahaan Otomobil Nasional (PROTON)
- Perusahaan Otomobil Kedua (PRODUK)
- Motosikal dan Enjin Nasional (MODENAS)

Apakah kesan kemunculan industri tersebut kepada negara?

- A Mewujudkan bandar terancang
- B Melahirkan golongan korporat
- C Meningkatkan pendapatan rakyat
- D Membangunkan estet perindustrian

- 37 Sebagai anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Malaysia telah memberi sumbangan ke arah memelihara keamanan dunia.

Apakah sumbangan tersebut?

- I Menyertai misi pengaman
 - II Menghantar pasukan pemerhati
 - III Membebaskan negara yang dijajah
 - IV Menyarankan penggunaan dinar emas
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 38 Malaysia terlibat secara aktif mencari penyelesaian dalam konflik yang berlaku di Indochina, terutamanya di Vietnam dan Kemboja.

Apakah iktibar yang diperolehi daripada pelibatan tersebut?

- A Bersemangat setiakawan
- B Berani mempertahankan hak
- C Bersedia menerima perubahan
- D Bertoleransi sesama masyarakat

- 39 Mengapakah negara-negara anggota ASEAN menandatangani perjanjian berikut?

Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN

- A Membanteras jenayah di sempadan
 - B Meningkatkan kerjasama ekonomi
 - C Mengukuhkan sistem pertahanan
 - D Mengatasi masalah kemiskinan
- 40 Antara berikut yang manakah program yang dijalankan oleh Yayasan Restu di Aceh?
- I Melindungi hak pelarian
 - II Memulihkan ekonomi tempatan
 - III Menyediakan pendidikan percuma
 - IV Membangunkan rumah anak yatim
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

KERTAS SOALAN TAMAT